

Temu duga SL1M di UMS tawar 10,000 peluang kerja

DE 2.3.2018 1

KUALA LUMPUR: Program Temu Duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) peringkat negeri Sabah, yang akan diadakan tahun ini, bakal membuka lebih 10,000 peluang pekerjaan kepada graduan khususnya anak tempatan Sabah.

Ketua Sekretariat SL1M Norashikin Ismail berkata program SL1M di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama dua hari bermula 17 Mac ini akan disertai pelbagai syarikat gergasi seperti Maybank, CIMB, Petronas dan Lebuhraya Pan-Borneo.

“Syarikat-syarikat ini terutamanya Petronas dan Lebuhraya Pan-Borneo akan menawarkan pekerjaan di Sabah untuk anak Sabah manakala kebanyakannya syarikat lain akan menawarkan pekerjaan di ibu negara,” katanya kepada *Bernama* di sini, pada Khamis.

Beliau berharap jarak dan kos untuk berhijrah dari Sabah ke Kuala Lumpur tidak dijadikan sebagai halangan.

“Apa-apa masalah seperti tiada tempat tinggal,

tiada duit nak beli tiket (kapal terbang), boleh rujuk dengan SL1M. Kita akan bantu mana yang boleh,” katanya.

Memahami kesukaran yang dihadapi oleh anak muda Sabah terutama yang tinggal di pedalaman, Norashikin berkata pihak SL1M akan berkerjasama dengan Grab untuk menawarkan diskaun sebanyak RM8 bagi mereka yang menghadiri temu duga itu.

Beliau berkata pihaknya juga akan menyediakan bas ulang alik secara percuma dari Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Terminal Bas Inanam ke UMS dengan kekerapan setiap 30 minit.

“Saya berharap anak-anak Sabah dapat menggunakan peluang yang ada ini untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Kita ada ramai yang berjaya, daripada miskin tegar dan dengan inisiatif SL1M, kehidupan mereka berubah 360 darjah,” katanya.

Ini merupakan kali keempat SL1M mengadakan temu duga terbuka di Sabah. – Bernama